

NO. SOALAN: 319

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN

MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,

PARLIMEN KETIGA BELAS

MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : YB. TUAN AHMAD BAIHAKI BIN ATIQULLAH

TARIKH : 16 HINGGA 26 MEI 2016 (SELASA)

NO. SOALAN : 319

PERTANYAAN

YB. Tuan Ahmad Baihaki Bin Atiqullah [Kubang Kerian] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah status terkini pembinaan Terminal Bersepadu Timur yang sepatutnya telah pun siap pada tahun 2011 lagi.

**JAWAPAN YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID BIN OMAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan pada 9 Julai 2010 bersetuju supaya projek pembangunan Terminal Pengangkutan Bersepadu Gombak dilaksanakan sepenuhnya oleh syarikat Zelan Berhad – Landasan Kapital *Joint Venture* melalui Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI) secara konsep *Build-Lease-Maintain-Operate-Transfer* (BLMOT) untuk tempoh konsesi selama 25 tahun. Perjanjian konsesi ini telah ditandatangani di antara Kerajaan Malaysia dan SPV Terminal Bersepadu Gombak Sdn. Bhd. (TEGAS) pada 15 Mac 2012.

Kelewatan pelaksanaan projek ini adalah disebabkan beberapa faktor antaranya melibatkan pengekalan status tanah rezab Melayu di tapak projek dan cadangan pembinaan Terminal Bersepadu Utara (Sungai Buloh). Berdasarkan kepada faktor-faktor tersebut, beberapa siri mesyuarat telah diadakan bagi mencari jalan penyelesaian berhubung pelaksanaan projek. Antaranya adalah bagi mengkaji semula trips perjalanan ke sektor timur serta menilai semula *viability* dan *bankability* projek.

Berdasarkan kepada hasil kajian, perbincangan dan rundingan yang diadakan, dipersetujui agar satu perjanjian tambahan disediakan selaras dengan keperluan semasa bagi pelaksanaan projek. Selanjutnya perjanjian tambahan ini telah dimuktamad dan ditandatangani pada 30 Disember 2015. Pada masa ini, pihak konsesi sedang mengambil tindakan

pematuhan syarat-syarat duluan yang ditetapkan seperti mana di dalam perjanjian utama dan perjanjian tambahan perjanjian. Sekiranya syarat-syarat duluan ini dipatuhi sepenuhnya, projek ini dijangka boleh bermula seawal bulan Julai 2016 dengan tempoh pembinaan selama 27 bulan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN AHMAD BAIHAKI BIN ATIQULLAH
[KUBANG KERIAN]**

SOALAN : 320

Tuan Ahmad Baihaki bin Atiqullah [Kubang Kerian] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah status terkini proses baik pulih landasan kereta api di jajaran Pantai Timur dan bilakah tren KTMB akan beroperasi sepenuhnya di laluan tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan telah membaikpulihan landasan kereta api di jajaran Pantai Timur yang membolehkan tren KTMB beroperasi sepenuhnya di laluan tersebut mulai 19 Mei 2016.

Pada masa yang sama, Kerajaan juga telah meluluskan peruntukan sebanyak RM868.5 juta bagi membaikpulihan dan menaiktaraf infrastruktur landasan dan jambatan keretapi di Pantai Timur (Gemas - Tumpat) yang melibatkan tiga (3) pakej. Dalam hubungan ini, Kerajaan telah melantik kontraktor untuk melaksanakan kerja-kerja pemulihan landasan di sektor Pantai Timur di mana antara kerja-kerja yang terlibat adalah meliputi kerja-kerja pemulihan landasan dan jambatan keretapi, peralatan sistem semboyan dan komunikasi, jentera landasan dan bangunan stesen/ kuarters. Tempoh masa penyiapan bagi projek pemulihan landasan ini mengambil masa di antara 12 hingga 36 bulan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN AHMAD BAIHAKI BIN ATIQULLAH
[KUBANG KERIAN]**

SOALAN : 321

TUAN AHMAD BAIHAKI BIN ATIQULLAH [KUBANG KERIAN] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah status terkini pelaksanaan AES dan adakah saman AES yang telah dikeluarkan sebelum ianya ditangguhkan dahulu tetapi perlu dibayar oleh pesalah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pelaksanaan *Automated Enforcement System* (AES) masih diteruskan di 14 lokasi sedia ada iaitu 2 lokasi di Selangor, 2 lokasi di Putrajaya, 3 lokasi di Kuala Lumpur dan 7 lokasi di Perak. Pelaksanaan *Automated Enforcement System* (AES) yang telah diberi penjenamaan semula kepada *Automated Awareness Safety System* (AwAS) akan terus diperluaskan dari semasa ke semasa.

Orang Kena Saman (OKS) yang melakukan kesalahan-kesalahan di bawah pelaksanaan *Automated Enforcement System* (AES) dan menerima saman AES perlu membayar saman tersebut menggunakan pelbagai saluran pembayaran yang disediakan. Saman-saman AES yang dikeluarkan terhadap OKS adalah sah (*valid*) dan teratur dari aspek perundangan. Dalam hubungan ini, Kerajaan sememangnya tidak bercadang untuk memansuh atau membatalkan saman-saman AES. Pemansuhan atau pembatalan saman adalah tidak bertepatan dan bercanggah dengan dasar dan prinsip Kerajaan untuk melaksanakan penguatkuasaan yang berkesan di samping memperkukuhkan aspek keselamatan jalan raya.